



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-212 BIL. 19/2026**

**DASAR LATIHAN INDUSTRI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat Senat Ke-237 Bil. 8/2025 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 11 September 2025 telah meluluskan Cadangan Pindaan Dasar Latihan Industri UMPSA berkuat kuasa Semester I Sesi Akademik 2025/2026.

3. Pindaan Dasar Latihan Industri UMPSA adalah menggantikan Dasar Latihan Industri yang telah digubal dan dirangka pada tahun 2022. Dasar Latihan Industri yang baharu menekankan keperluan untuk melengkapkan pelajar dengan permintaan pasaran kerja yang berkembang pesat berbanding untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar sahaja. Dasar ini memperkenalkan bentuk latihan industri yang lebih pelbagai berbanding dengan struktur yang hanya fokus kepada penempatan industri dan kurang fleksibiliti dalam mod pelaksanaan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Kerjaya, melalui e-mel ke li@umpsa.edu.my atau menghubungi kami di talian 09-431 5023.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Pusat Kerjaya
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah**

Tarikh: 04 Mei 2026



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

LATIHAN INDUSTRI UMPSA

DASAR DAN AMALAN BAIK





DASAR LATIHAN INDUSTRI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

PUSAT KERJAYA UMPSA

1.0 PENGENALAN

Pendidikan tertiar merupakan peringkat terakhir pengajian dalam kehidupan seseorang pelajar sebelum mengorak langkah ke dunia pekerjaan. Jurang yang ketara di antara dunia pengajian di universiti dan alam pekerjaan adalah kerana spektrum pendedahan dalam mempraktik dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi adalah terhad di Universiti.

Dalam mendepani cabaran global yang kompetif dan ledakan teknologi kecerdasan buatan, para pelajar perlu mempunyai tahap kompetensi dan kemahiran pekerjaan yang tinggi untuk mereka berdaya saing di pasaran pekerjaan. Demi meningkatkan tahap mampu kerja para pelajar, program latihan industri diperkenalkan di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) untuk memperkasa kompetensi yang diperlukan.

Program latihan industri merupakan wadah penting kepada pelajar untuk terus meningkatkan daya kompetensi diri setelah mereka selesai menghadiri sesi pengkuliahan di UMPSA. Menerusi latihan industri, pelajar UMPSA bukan sahaja didedahkan kepada pembelajaran dalam persekitaran kerja yang sebenar tetapi juga dapat meningkatkan kecekapan mereka dan kemahiran kerja.

Latihan industri juga memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran graduan (*graduate employability*).

2.0 DEFINISI LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri (LI) merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah industri untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di

luar atau di dalam negara dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda UMPSA. LI adalah satu syarat wajib bagi pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di UMPSA.

3.0 OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

- a) Memberi peluang kepada pelajar menggunakan pengetahuan dan kemahiran akademik dalam alam pekerjaan sebenar;
- b) Meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pelajar dengan industri dalam bidang pengkhususan masing-masing;
- c) Mendedahkan pelajar kepada situasi pekerjaan yang sebenar;
- d) Memantapkan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan insaniah yang sesuai dengan persekitaran pekerjaan;
- e) Melahirkan graduan yang mempunyai kompetensi tinggi dan berdaya saing melalui pengalaman LI;
- f) Mempertingkatkan peluang pekerjaan dan tahap kebolehpasaran pelajar secara mampan;
- g) Mewujudkan dan merapatkan jaringan kerjasama antara pihak fakulti/pusat/Universiti dan Industri.

4.0 HASIL PEMBELAJARAN LATIHAN INDUSTRI

Selepas tamat tempoh program LI, pelajar berupaya:

- a) Menggunakan teori dan pengetahuan akademik yang telah dipelajari di universiti ke dalam persekitaran industri;
- b) Meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengalaman kerja supaya lebih beretika dan berdaya saing;
- c) Mempertingkatkan kompetensi dan daya saing dalam bidang pengkhususan masing-masing;
- d) Menambahbaik kemahiran berkomunikasi dan kerja berpasukan secara berkesan;

- e) Menerapkan nilai-nilai murni dan integriti dalam diri pelajar;
- f) Menghubungkan pengalaman kerja di industri dengan apa yang dipelajari di universiti setelah tamat latihan.

5.0 SKOP LATIHAN INDUSTRI

Semua pelajar yang layak untuk menjalani LI perlu mendaftar mengikut keperluan program pengajian masing-masing sama ada pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Kursus LI juga turut melibatkan para pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di UMPSA.

Skop LI haruslah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta mendapat pendedahan amalan kerja dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Para pelajar akan diselia oleh penyelia profesional dan berpengalaman yang dilantik oleh majikan supaya pelajar mendapat bimbingan yang membina bagi memantapkan kemahiran insaniah, teori dan praktikal mereka sepanjang tempoh LI.

6.0 JENIS LATIHAN INDUSTRI

- a) Latihan Industri Apitan (*sandwich*)
 - Definisi: LI apitan dijalankan dipertengahan pengajian bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda, tertakluk kepada keperluan struktur kurikulum program dan dilaksanakan secara fizikal;
 - Syarat-syarat: Perlu memenuhi syarat keperluan akreditasi program. Penggunaan ejen penempatan dan pekerjaan adalah tidak dibenarkan;
 - Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.
- b) Latihan Industri di Hujung Pengajian
 - Definisi : LI dijalankan di hujung pengajian, tertakluk kepada keperluan struktur kurikulum program dan dilaksanakan secara fizikal;
 - Syarat-syarat: Perlu memenuhi syarat keperluan akreditasi program. Penggunaan ejen penempatan dan pekerjaan adalah tidak dibenarkan;
 - Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.

- c) Latihan Industri di Dalam Tempoh WBL (*Work-Based Learning*)
- Definisi: WBL adalah mod pengajian di mana pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam dan di luar kampus dalam pelbagai kombinasi bekerja sambil belajar. Komponen WBL terdiri daripada LI dan kursus-kursus yang telah ditentukan di dalam struktur kurikulum program;
 - Syarat-syarat: Mempunyai jalinan MOU/MOA dengan industri, penetapan industri dilakukan oleh fakulti/pusat, pelajar perlu lulus prasyarat yang ditetapkan oleh industri dan seperti yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian;
 - Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.
- d) Latihan Industri Secara Maya
- Definisi: LI secara maya merupakan cara kerja melalui pengalaman penempatan industri yang memerlukan pelajar berada di rumah/lokasi yang berbeza dengan industri;
 - Syarat: Mendapat kelulusan fakulti/pusat, mematuhi keperluan akreditasi, skop kerja yang memenuhi keperluan program, syarikat berdaftar dengan agensi bertauliah (SSM atau sepadan), dan beroperasi secara fizikal. Penggunaan ejen penempatan dan pekerjaan adalah tidak dibenarkan;
 - Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.
- e) Latihan Industri di Luar Negara
- Definisi: LI di luar negara merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah industri di luar negara secara fizikal;
 - Syarat: Permohonan menjalani LI di luar negara perlu mendapat kelulusan fakulti/pusat dan perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Pusat Kerjaya, pemilihan negara yang mengutamakan keselamatan pelajar berdasarkan verifikasi dari pihak berkuasa, negara yang terlibat dengan peperangan dan tiada hubungan diplomatik adalah tidak dibenarkan. Penggunaan ejen penempatan dan pekerjaan di luar negara adalah juga tidak dibenarkan;
 - Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.
- f) Latihan Industri Mobiliti
- Definisi: LI mobiliti merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah industri di luar negara secara fizikal semasa menjalani pengajian secara mobiliti di institusi pengajian di luar negara;

- Syarat: Permohonan menjalani LI di luar negara perlu mendapat kelulusan fakulti/pusat dan perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Pusat Kerjaya, pemilihan negara yang mengutamakan keselamatan pelajar berdasarkan verifikasi dari pihak berkuasa, negara yang terlibat dengan peperangan dan tiada hubungan diplomatik adalah tidak dibenarkan. Penggunaan ejen penempatan dan pekerjaan di luar negara adalah juga tidak dibenarkan;
- Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.

g) Latihan Industri Ijazah Dual di Luar Negara

- Definisi: LI ijazah dual di luar negara merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah industri di luar negara secara fizikal semasa dalam pengajian ijazah dual, sepertimana yang dinyatakan dalam Perkara 6.0 (e) atau (f);
- Syarat: Permohonan menjalani LI di luar negara perlu mendapat kelulusan fakulti/pusat dan perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Pusat Kerjaya, pemilihan negara yang mengutamakan keselamatan pelajar berdasarkan verifikasi dari pihak berkuasa, negara yang terlibat dengan peperangan dan tiada hubungan diplomatik adalah tidak dibenarkan. Penggunaan ejen penempatan dan pekerjaan di luar negara adalah juga tidak dibenarkan;
- Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.

h) Latihan Industri Keusahawanan

- Definisi: LI di syarikat milikan sendiri;
- Syarat: Hanya dibenarkan bagi pelajar warganegara Malaysia, syarikat terlibat wajib memenuhi syarat keperluan bidang pengajian pelajar dan telah tiga (3) tahun beroperasi, berdaftar dengan SSM, perlu melantik mentor yang berkeelayakan (pemilik/pengurus syarikat/penggiat industri perniagaan lain), dan tiada kepentingan peribadi (*conflict of interest*);
- Penafian: Jenis LI ini adalah tidak terpakai jika melanggar terma atau tidak mematuhi kehendak badan akreditasi sesebuah program.

7.0 TEMPOH LATIHAN INDUSTRI

Tempoh LI adalah tertakluk kepada **struktur kurikulum program** yang telah diluluskan oleh Senat Universiti. Tempoh terkumpul bagi LI hendaklah mengikut tempoh yang ditetapkan oleh mana-mana badan profesional yang mempunyai kuasa menganugerah akreditasi **ATAU** mengikut tempoh yang ditentukan oleh pihak fakulti/pusat.

8.0 SYARAT MENDAFTAR LATIHAN INDUSTRI

Pelajar dibenarkan mendaftar LI setelah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Memenuhi semua keperluan struktur program yang ditentukan oleh pihak fakulti/pusat, termasuk mencapai jumlah kredit terkumpul program pengajian atau mengambil semua kursus pra-syarat atau syarat-syarat tambahan yang ditentukan pihak fakulti/pusat;
- b) Mendaftar LI pada semester yang ditetapkan oleh fakulti/pusat. Pelajar tidak dibenarkan mengambil sebarang kursus ulangan semasa menjalani LI kecuali dengan kelulusan Dekan atau pihak Universiti;
- c) Bagi kursus LI semester akhir pengajian, pelajar hendaklah lulus semua kursus yang ditawarkan di dalam struktur kurikulum bagi sesuatu program dengan berstatus akademik sekurang-kurangnya Gred D/Hadir Lulus. Pelajar yang gagal satu (1) kursus dibenarkan untuk menjalani LI dengan syarat perlu mengambil peperiksaan khas bagi kursus tersebut;
- d) Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang dinyatakan ini tertakluk kepada kebenaran daripada pihak fakulti/pusat. Perkara ini tidak terpakai bagi pelajar yang menjalani LI pada pertengahan pengajian atau secara apitan (*sandwich*).

9.0 PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI

Pelajar mesti menjalani LI di industri yang telah disahkan oleh fakulti/pusat dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian;

- a) Pelajar bertanggungjawab mencari tempat LI berdasarkan kepada bidang pengkhususan masing-masing dengan menggunakan sistem yang disediakan;
- b) Penempatan LI boleh melibatkan sama ada sektor swasta atau sektor awam berdasarkan kesesuaian program;
- c) Penempatan LI boleh melibatkan sama ada industri di dalam dan luar negara berdasarkan kesesuaian program;
- d) Pelajar tidak dibenarkan menukar tempat dan tarikh LI yang ditetapkan kecuali dengan kelulusan daripada Dekan fakulti/pusat;
- e) Permohonan penangguhan LI hendaklah dilakukan secara bertulis kepada pihak Universiti melalui Dekan fakulti/pusat;


- f) Pelajar yang menukar tempat LI tanpa kebenaran dan justifikasi yang kukuh kepada pihak fakulti/pusat akan diberi status Hadir Gagal (HG);
- g) Pelajar yang diberhentikan daripada tempat LI atas masalah disiplin akan diberikan status Hadir Gagal (HG);
- h) Pelajar perlu memenuhi segala syarat dan peraturan kerja yang ditetapkan oleh pihak industri;
- i) Fakulti/Pusat perlu melaporkan para pelajar yang telah diluluskan permohonan untuk menjalankan LI kepada Pusat Kerjaya bagi tujuan penyelarasan dan rekod.

10.0 PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PERLAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI

Pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

- a) Pusat Kerjaya UMPSA (UMPSACC);
- b) Fakulti/Pusat;
- c) Penyelaras Latihan Industri Fakulti/Pusat;
- d) Penasihat Akademik Fakulti/Pusat;
- e) Penyelia Industri Fakulti/Pusat;
- f) Penyelia Industri
- g) Pelajar;
- h) Industri yang menyediakan penempatan latihan industri.

**CARTA PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDER) LATIHAN INDUSTRI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**



11.0 PENYELIAAN LATIHAN INDUSTRI

Penyeliaan terhadap pelajar yang menjalani LI melibatkan tiga (3) fungsi utama iaitu menilai, memantau dan menyemak kesesuaian tempat latihan industri.

Justeru, terdapat empat (4) pihak yang terlibat secara langsung dalam penyeliaan LI pelajar iaitu Penyelaras Latihan Industri Fakulti/Pusat, Penasihat Akademik Fakulti/Pusat, Penyelia Industri Fakulti/Pusat dan Penyelia Industri.

- a) Penyelaras Latihan Industri Fakulti/Pusat merupakan staf akademik Fakulti/Pusat yang dilantik dan bertanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan LI pelajar secara keseluruhan;
- b) Penasihat Akademik Fakulti/Pusat merupakan staf akademik Fakulti/Pusat yang bertanggungjawab memantau dan membimbing pelajar dalam urusan akademik;

- c) Penyelia Industri Fakulti/Pusat adalah terdiri daripada staf akademik Fakulti/Pusat yang dilantik bagi melaksanakan penilaian permorkahan LI pelajar berdasarkan Buku Log LI dan Laporan Akhir LI;
- d) Penyelia Industri dilantik oleh industri untuk menyelia tugas pelajar dan memastikan kehadiran yang baik sepanjang tempoh LI dan mereka juga bertanggungjawab untuk membuat penilaian permorkahan pelajar LI.

12.0 PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

Penilaian LI adalah selaras dengan Panduan dan Peraturan Akademik Program Diploma dan Sarjana Muda Sepenuh Masa Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang sedang berkuatkuasa.

Pelajar wajib menyempurnakan tempoh LI serta menyiapkan laporan dan semua keperluan lain yang ditetapkan oleh Universiti sebagai syarat lulus kursus latihan industri.

Asas penilaian umum LI berdasarkan perkara-perkara yang berikut:

- a) Penilaian terhadap prestasi pelajar perlu dilakukan mengikut komponen penilaian oleh Fakulti/Pusat dan program pengajian masing-masing;
- b) Gred Hadir Lulus (HL) atau Hadir Gagal (HG) akan diberikan kepada pelajar setelah memenuhi keperluan yang disyaratkan oleh program pengajian dan fakulti/pusat. Gred ini dicatatkan dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip pelajar;
- c) Pelajar yang mendapat keputusan Hadir Gagal (HG) bagi kursus LI perlu mendaftar kembali kursus LI;
- d) Fakulti/Pusat boleh memilih kaedah penilaian yang bersesuaian dengan bidang pengajian dan objektif program yang hendak dicapai. Antara kaedah penilaian yang dicadangkan adalah seperti berikut:
 - i. Penilaian oleh Penyelia Industri;
 - ii. Penilaian oleh Penyelia Fakulti/Pusat;
 - iii. Penilaian Laporan LI oleh pelajar;
 - iv. Penilaian Buku Log LI oleh Penyelia Industri dan Penyelia Industri Fakulti/Pusat;
 - v. Penilaian pembentangan hasil LI oleh pelajar.

13.0 CUTI

- a) Cuti dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu:
 - i. **Cuti tahunan:** Kelayakan cuti tahunan berdasarkan kepada tempoh menjalani LI. Had cuti tertakluk kepada polisi dan peraturan bergantung kepada industri pelajar menjalani LI;
 - ii. **Cuti sakit:** Kelayakan mendapat permohonan cuti sakit yang biasa (tanpa dimasukkan ke wad hospital) tertakluk kepada polisi dan peraturan industri pelajar menjalani LI;
 - iii. **Cuti umum:** Had bilangan hari cuti umum yang dipilih oleh industri dan jenis cuti umum yang diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- b) Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti sewaktu dalam LI kecuali dengan kelulusan pihak industri;
- c) Walau bagaimanapun, permohonan cuti yang melibatkan aktiviti-aktiviti akademik/universiti di mana pihak industri akan merujuk terlebih dahulu kepada pihak fakulti/pusat untuk kelulusan. Untuk tujuan tersebut, pelajar harus mengemukakan permohonan dengan mengisi borang berkaitan dan perlu mendapat kelulusan daripada pihak industri dan pihak fakulti/pusat;
- d) Pelajar perlu memohon dan mengurus sendiri permohonan cuti yang dicadangkan;
- e) Pelajar yang mengambil cuti melebihi 20 peratus daripada jumlah tempoh LI (tidak termasuk cuti sakit), perlu menggantikan semula tempoh LI sehingga memenuhi tempoh LI yang ditetapkan. Sekiranya pelajar gagal berbuat demikian, pihak fakulti/pusat berhak memberi status Hadir Gagal (HG) dan pelajar perlu mengulang serta mendaftar kursus LI pada semester berikutnya.

14.0 PENGECUALIAN DAN PENANGGUHAN

- a) Bagi kes mendapatkan pengecualian untuk tidak hadir menjalani LI seperti pentauliah badan beruniform, mewakili sukan universiti/kebangsaan/antarabangsa dan mengikuti program mobiliti universiti, pelajar perlu mendapatkan surat pengecualian daripada pihak fakulti/pusat. Surat jemputan hendaklah dilampirkan kepada pihak fakulti/pusat bagi tujuan tersebut;

- b) Penangguhan menjalani LI perlu mendapat kelulusan dari pihak fakulti/pusat. Surat penempatan LI yang baharu akan dikeluarkan melalui sistem oleh Pusat Kerjaya setelah mendapat kelulusan daripada fakulti/pusat;
- c) Penangguhan dan pengecualian melebihi 20 peratus daripada jumlah tempoh LI perlu digantikan semula tempoh LI tersebut sehingga memenuhi tempoh LI yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, ini tertakluk kepada kebenaran dan budi bicara pihak fakulti/pusat.

15.0 PENGURUSAN KEBAJIKAN DAN RAWATAN PERUBATAN

- a) Pihak Universiti menyediakan Pengurusan Kebajikan dan Kemudahan Pelajar melalui Skim Kebajikan KASEH UMPSA yang sedang berkuatkuasa. UMPSA mengurus sendiri perlindungan pelajar melalui skim ini. Sebarang urusan kebajikan pelajar hendaklah dimajukan kepada Bahagian Kebajikan, Pembiayaan dan Disiplin Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah;
- b) Bagi rawatan perubatan, pelajar hanya layak mendapatkan rawatan perubatan di mana-mana klinik kesihatan kerajaan atau hospital kerajaan;
- c) Pelajar yang bercadang untuk menjalani LI di luar negara disarankan mengambil perlindungan insuran/takaful tambahan bagi perubatan atas tanggungan sendiri. Perlindungan tersebut mesti merangkumi perubatan, kemalangan dan *repatriation*.

16.0 PEMBERIAN KREDIT LATIHAN INDUSTRI

- a) Kursus LI adalah diwajibkan untuk tujuan pengijazahan dan seterusnya diwajibkan diberi jam kredit mengikut standard piawaian Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF), Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT);
- b) Bilangan jam kredit yang diberi hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) jam kredit dan tidak lebih daripada dua belas (12) jam kredit. Pengiraan jam kredit adalah 1 jam kredit bersamaan dengan dua minggu tempoh LI.

17.0 DOKUMENTASI DAN REKOD PELAJAR

- a) Pelajar wajib untuk menghasilkan dokumen bertulis seperti Buku Log LI, laporan mingguan, laporan akhir atau mini tesis setelah tamat pengajian untuk tujuan penilaian;
- b) Penetapan penggunaan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris dalam penulisan atau pembentangan adalah bergantung kepada pihak fakulti/pusat dan juga pihak organisasi;

18.0 TATATERTIB DAN PERUNDANGAN

- a) Sepanjang menjalani tempoh LI, semua tindakan tatatertib ke atas para pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah adalah tertakluk dibawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2023) dan Peraturan Akademik UMPSA yang sedang berkuatkuasa;
- b) Sekiranya pelajar telah menyebabkan kerugian kepada industri dalam apa jua bentuk kerosakan, kebakaran, gangguan seksual dan pendedahan maklumat rahsia industri, pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab atas salah laku tersebut;
- c) Perundingan bersama pihak Universiti dan industri harus dibuat sebelum sesuatu tindakan tatatertib diambil kepada pelajar.

19.0 PENUTUP

- a) Penglibatan pelajar dalam LI secara langsung akan menambah kemahiran bekerja serta membuka peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pekerjaan di industri berkenaan. Di samping itu, LI dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan serta daya saing pelajar di alam pekerjaan;
- b) Dasar ini akan menjadi dokumen rujukan bagi pelaksanaan LI di peringkat fakulti/pusat dan Universiti secara holistik;
- c) UMPSA berhak mengubah dasar ini dari semasa ke semasa dengan mengambil kira keperluan semasa dan kehendak pihak-pihak berkepentingan.